

09 DEC 1999

Mahathir-Kabinet

MAHATHIR UMUM KABINET BARU ESOK

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Pembentukan Kabinet baru berikutan pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov lepas akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Dr Mahathir, selaku Pengerusi Barisan Nasional, yang memenangi pilihan raya itu dengan majoriti lebih dua pertiga, akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 10 pagi bagi mengemukakan cadangan pelantikan itu untuk perkenan Seri Paduka.

Menurut kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri hari ini, Dr Mahathir akan mengadakan persidangan media di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, pada 4 petang untuk mengumumkan Kabinet barunya serta barisan anggota pentadbiran yang lain.

Istiadat pengurniaan surat cara pelantikan dan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia oleh anggota kabinet dan timbalan-timbalan menteri di hadapan Yang Di-Pertuan Agong akan berlangsung di Istana Negara pada Selasa, 14 Dis.

Kabinet yang lepas mempunyai 28 anggota termasuk Perdana Menteri sementara anggota pentadbiran yang lain terdiri daripada 31 timbalan menteri dan 12 setiausaha parlimen.

Empat menteri kalah dalam pilihan raya lepas, seorang lagi bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri manakala dua yang lain tidak bertanding langsung.

Yang kalah ialah Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan), Datuk Annuar Musa (Pembangunan Luar Bandar), Datuk Abdul Hamid Othman (Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Datuk Tajol Rosli Ghazali (Jabatan Perdana Menteri) bertanding dan memenangi kerusi DUN Kenering di Perak dan kini telah dilantik Menteri Besar negeri itu.

Yang tidak bertanding ialah Datuk Lim Ah Lek (Sumber Manusia) dan Datuk Abang Abu Bakar (Pertahanan).

Beberapa timbalan menteri dan setiausaha parlimen juga tewas atau tidak bertanding pada pilihan raya lalu.

Pemimpin parti-parti komponen BN yang mengekalkan kerusi Parlimen masing-masing dijangka dilantik semula menganggotai Kabinet.

Mereka termasuk Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (MCA), Datuk Seri S. Samy Vellu (MIC), Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Gerakan) dan Datuk Amar Leo Moggie (Parti Bansa Dayak Sarawak).

Bagi mengisi kekosongan, beberapa timbalan menteri dijangka dinaikkan pangkat kepada menteri penuh sementara setiausaha parlimen pula kepada timbalan menteri.

Antara mereka yang disebut-sebut mungkin dinaikkan pangkat ialah Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang juga Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno dan anggota Parlimen Tenggara.

Terdapat juga spekulasi tentang kemungkinan dua bekas pemimpin parti Semangat 46 yang dibubarkan dan kini menyertai semula Umno iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Dr Rais Yatim, dilantik menganggotai Kabinet. Kedua-dua mereka adalah bekas menteri.

Kabinet yang lepas mempunyai tiga menteri wanita -- Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (Jabatan Perdana Menteri) dan Datin Paduka Zaleha Ismail (Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat). Ketiga-tiga mereka dipilih

semula ke Parlimen.

Jika mengikut pengagihan jawatan-jawatan menteri di kalangan negeri-negeri, BN buat pertama kalinya tidak mempunyai seorangpun anggota Dewan Rakyat dari Terengganu ekoran kekalahan semua calonnya di negeri itu.

Bagaimanapun, anggota Kabinet boleh juga dilantik daripada kalangan anggota Dewan Negara.

-- BERNAMA

SJ KHY NMO